



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.600-29/4/146 Jld.84(68)
Tarikh : 18 April 2023

YBhg. Datuk Dr. Thirunavukasu Rajoo
Setiausaha,
Malaysian Medical Association.

YBhg. Datuk,

MAKLUMBALAS BERKENAAN *MEDICAL CERTIFICATES (MC's) FOR COVID-19 QUARANTINE*

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat dari YBhg. Datuk dengan ruj: MMA 1031/8 bertarikh 30 Mac 2023 adalah berkaitan.

2. Kementerian kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum isu berkaitan keperluan pemberian cuti sakit (*medical certificate-MC*) bagi pekerja yang diarahkan kuarantin kerana positif COVID-19 dan menerima Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (*Home Surveillance Order-HSO*) melalui aplikasi MySejahtera.

3. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk, Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (*Home Surveillance Order-HSO*) bagi individu positif COVID-19 yang jelas telah dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) (Fasa Peralihan Ke Endemik) 2022 di bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, iaitu di bawah perkara:

“ Pengasingan atau pengawasan orang yang dijangkiti dan orang yang disyaki

10. (1) *Seseorang pegawai diberi kuasa boleh, melalui apa-apa cara, mengarahkan supaya mana-mana orang yang dijangkiti oleh Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) atau yang dia mempunyai sebab untuk*

percaya telah dijangkiti oleh Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) untuk menjalani pengasingan atau pengawasan di mana-mana tempat dan bagi apa-apa tempoh yang difikirkannya patut atau sehingga dia boleh dilepaskan tanpa membahayakan orang lain.”

4. Justeru, cuti sakit (medical certificate-MC) tidak lagi perlu diberikan kepada individu yang menerima HSO yang dikeluarkan oleh pihak KKM. Pihak YBhg. Datuk juga boleh menyemak Prosedur Operasi Standard (SOP) #ReopeningSafely bertarikh 1 Mei 2022 yang menyatakan:

7A. A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:

vi. Menerima pakai digital HSO untuk Pekerja yang disahkan COVID-19 sebagai pembuktian Pekerja menjalani pengasingan.


5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


DR. THILAKA CHINNAYAH
(MMC: 33230)
Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Survelan)
Cawangan Kesiapsiagaan, Survelan dan Respon
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

(DR. THILAKA A/P CHINNAYAH)
Timbalan Pengarah (Cawangan Survelan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia